

Sains aktuari janji kerjaya cerah

RATCHARATHAN RAWE SHANGGAR

JURUSAN perubatan, undang-undang atau kejuruteraan sering menjadi bidang idaman generasi muda sekarang yang bercita-cita untuk bekerja dalam industri profesional.

Senario ini tercetus ekoran pelajar dan ibu bapa yang terlalu taksud dengan bidang-bidang tertentu sehingga melupakan bahawa terdapat banyak lagi jurusan profesion lain yang menjamin masa depan yang cerah.

Antaranya sains aktuari yang berada dalam senarai tertinggi pekerjaan di peringkat dunia dan berpotensi menjana pendapatan yang lumayan sekiranya ia diterajui dengan betul.

Mungkin ramai yang tidak tahu mengenai bidang ini malah ada yang tidak pernah mendengarnya berikutan bidang ini masih menjadi sesuatu yang dangkal dalam masyarakat Malaysia.

Bidang ini menjadi rebutan masyarakat Cina tetapi bukan dalam kalangan komuniti Melayu dan India.

Ketua Program Sains Aktuari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Professor Madya Dr Saiful Hafizah Jaaman berkata sains aktuari adalah satu bidang yang melibatkan kewangan, pelaburan dan insurans dalam pembangunan sesebuah negara.

Ia adalah satu industri yang berkait rapat dengan risiko

kewangan dan insurans.

"Namun apa yang menyedihkan, ramai yang tersalah tafsir mengenai bidang ini.

"Ramai yang anggap, sains aktuari hanya melibatkan insurans tetapi tidak tahu bahawa ia sebenarnya mempunyai pelbagai prospek kerjaya," katanya kepada Bernama.

Seseorang yang berhasrat untuk menjadi aktuari perlu mahir dalam subjek Matematik khususnya dan mengetahui tentang ekonomi semasa serta polisi-polisi kerajaan yang berkaitan dengan kewangan.

Meskipun tersalah tafsir mengenai bidang itu, namun permohonan untuk mengikuti jurusan ini boleh dikatakan sedang meningkat di universiti tempatan.

Di Malaysia, hanya beberapa universti tempatan yang menawarkan jurusan ini seperti UKM, Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia dan Universiti Teknologi Mara (UiTM)

"Jurusan ini adalah bagi melahirkan siswazah supaya dapat memberikan sumbangan yang berkesan dalam sektor kewangan," tambah beliau.

Seorang aktuari hanya akan digelar sebagai aktuari bertauliah selepas lulus peperiksaan aktuari profesional yang berteraskan standard antarabangsa.

Gaji yang tinggi juga menanti buat seorang aktuari selepas lulus peperiksaan itu.

Persaingan sengit bagi jawatan lepasan siswazah sentiasa berlaku dalam bidang aktuari dan ia akan mengambil masa beberapa tahun untuk mereka memperoleh pengalaman yang mencukupi dalam industri pasaran.

Presiden Persatuan Sains Aktuari Malaysia (ASM) Yap Chee Keong berkata bidang kerja untuk aktuari tidak terhad dan bukan hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat insurans sahaja, sebaliknya ia sangat luas.

Antaranya insurans hayat, takaful keluarga, insurans am, takaful am, insurans semula, takaful semula, Perunding Aktuari, Perkhidmatan Kewangan dan Pelaburan, industri manfaat pekerja seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sektor kerajaan, kolej serta universiti. Mengulas lanjut, beliau berkata peperiksaan profesional bagi aktuari memainkan peranan penting dalam menentukan pengisian jawatan bagi pengurusan pertengahan itu.

"Selain itu, ASM juga terus berusaha untuk memperkenalkan profesion ini di Malaysia serta bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan yang menawarkan kursus tersebut supaya mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri berkenaan," katanya.

ASM, yang juga ahli dalam Persatuan Aktuari Antarabangsa sejak 2003, turut menganjurkan pelbagai seminar dan bengkel sepanjang tahun untuk memastikan profesion aktuari di negara ini peka terhadap pembangunan serta perkembangan terkini dalam bidang berkaitan.

Bagi pelajar tahun akhir jurusan sains aktuari di UKM, Hairish Kumar Ganesan, 22, jurusan itu tidak terlalu susah tetapi sudah tentunya mempunyai cabaran yang luar biasa.

Beliau berkata kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif amat diperlukan bagi menyiapkan diri selari dengan perkembangan ekonomi negara dan dunia semasa.

"Saya mengetahui jurusan ini melalui seorang daripada senior saya yang menamatkan ijazah dalam sains aktuari di Universiti London. Saya amat tertarik dengan jurusan ini selepas berbual dengan beliau," katanya.

Hairish turut berkata pelajar yang ingin menceburi diri dalam bidang ini harus bersedia menghadapi situasi berbeza serta befikiran terbuka untuk mempejalari perkara baharu berkaitan ekonomi negara dan dunia.

Biarpun populariti mengenai bidang ini masih sederhana, generasi muda perlu mengorak langkah untuk menceburi bidang ini sebagai satu cabaran dalam dunia pekerjaan.— Bernama